

22/06/2004

Rakyat Indonesia kagumi transisi kuasa politik kita

By Mohd Izani Mohd Zain

PADA 5 Julai ini, Indonesia akan mencari idola untuk dua jawatan utama negara berkenaan iaitu presiden dan wakil presiden (naib presiden). Buat pertama kali, kedua-dua jawatan itu ditentukan secara langsung oleh rakyat dalam satu pilihan raya yang terbuka.

Kehangatan pilihan raya presiden itu bertambah dengan kempen yang diatur oleh setiap calon presiden dan naib presiden.

Perang poster di jalanan sudah bermula termasuk iklan di kaca televisyen yang dilihat sebagai satu senjata ampuh yang boleh mempengaruhi pengundi.

Paling mendapat perhatian ialah program debat presiden (ala Amerika Syarikat) yang disiarkan secara langsung oleh beberapa saluran televisyen di Indonesia dengan menemukan calon presiden dan naib presiden.

Melalui debat itu, calon presiden dan naib presiden diajukan pelbagai pertanyaan yang disusun mengikut tema seperti politik, ekonomi dan sukan. Penulis sempat mengikuti debat itu yang disiarkan stesen Indosiar dengan tema sukan.

Pada ketika itu, calon presiden, Amien Rais dan Wiranto mengambil bahagian. Mereka ditanya mengenai perkembangan sukan di Indonesia termasuk isu prestasi atlit yang semakin merosot dan komitmen Indonesia membawa sukan negara ke peringkat antarabangsa.

Dalam debat itu, nama Malaysia turut dikaitkan dengan kejayaan negara membawa industri sukan ke peringkat antarabangsa, termasuk penganjuran Grand Prix Formula One (F1).

Paling melucukan, Amien dan Wiranto diaju soalan yang bersifat pengetahuan am mengenai perkembangan sukan mutakhir. Amien misalnya diminta menyebut pasukan manakah yang memenangi Liga Inggeris tahun ini dan nama pemain tengah bola sepak Indonesia. Beliau gagal menjawab soalan kedua, tetapi bersikap jujur dengan memberitahu pengacara beliau memang tidak tahu jawapannya.

Sikap rendah diri Amien menarik perhatian penonton apabila di akhir rancangan, beliau mendapat 87 peratus undian melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) daripada penonton, berbanding Wiranto yang hanya memperoleh 13 peratus saja.

Kegagalan Wiranto mendapat undi yang banyak dipercayai disebabkan soalan yang kurang memihak kepada beliau, terutama yang berkaitan rasuah dan penyelewengan kuasa. Satu faktor lain ialah keraguan penonton terhadap keikhlasan Wiranto menjawab persoalan. Misalnya, ketika ditanya mengenai kehidupannya jika dipilih sebagai presiden, Wiranto seolah-olah berlakon untuk tidak menerima kehidupan yang mewah. Sebaliknya, Amien berseloroh menjawab bahawa beliau amat gembira jika dipilih sebagai presiden kerana boleh mendapat gaji 50 juta rupiah sebulan (kira-kira RM25,000).

Sukar untuk meramalkan siapakah yang boleh mengisi dua jawatan utama bagi negara yang memiliki penduduk Islam paling ramai di dunia itu. Oleh kerana ini pertama pemilihan presiden dan naib presiden dibuat secara langsung oleh rakyat, peluang kesemua calon adalah seimbang.

Walaupun di atas kertas dan berdasarkan pencapaian pilihan raya umum April lalu, Wiranto yang mewakili Parti Golkar dan Megawati Sukarnoputri dari Parti Pembangunan Indonesia-Perjuangan (PDI-P) mempunyai kelebihan, ia belum tentu menjamin kejayaan.

Perkiraan berasaskan parti tidak lagi penting kerana persaingan untuk jawatan presiden dan naib presiden lebih kepada pertandingan individu. Malah, kempen seperti `biar partinya berbeza, asalkan pilihannya satu

(sama)' begitu kuat dilaungkan, sekali gus meletakkan faktor parti politik tidak lagi berada di atas.

Namun, Megawati mempunyai sedikit kelebihan kerana beliau masih lagi memegang jawatan presiden. Urusan rasminya termasuk lawatan ke beberapa tempat di Indonesia boleh menjadi program kempenya secara tidak langsung. Malah, iklan beliau sebagai calon presiden di televisyen lebih gah dan menyerlah berbanding calon lain.

Persaingan sengit 5 Julai ini turut memperlihatkan gabungan aliran dan sentimen yang mewakili calon presiden dan naib presiden seperti nasionalis-Islam, awam-tentera dan Jawa-luar Jawa.

Gabungan aliran ini dapat dilihat dengan kombinasi Megawati dari kelompok nasionalis yang mengambil tokoh agama dari Nahdatul Ulama iaitu Hasyim Muzaidi sebagai regunya.

Amien pula, seorang tokoh Islam liberal dari Muhammadiyah memilih seorang nasionalis dari Kalimantan Timur, Siswono Yudo Husodo, manakala Wiranto yang mewakili unsur tentera memilih tokoh awam dengan latar belakang agama, Salahudin Wahid.

Seorang lagi bekas jeneral tentera, Susilo Bambang Yudhoyono berketurunan Jawa, memilih Jusuf Kalla seorang awam dari Sulasewi dan akhirnya pasangan Hamzah Haz yang juga tokoh agama dari Kalimantan Barat dengan bekas jeneral keturunan Jawa, Agum Gumelar.

Jika dianalisis, ternyata gabungan aliran yang diwakili oleh calon presiden dan naib presiden adalah satu langkah bijak bagi memancing undi. Megawati misalnya, mengambil pasangan dari aliran Islam dalam usaha menarik perhatian majoriti pengundi beragama Islam terutama golongan santri (pengikut sekolah pondok). Malah, dalam gambar kempen beliau dengan Hasyim, beliau meletakkan tudung di kepalanya sebagai satu isyarat bahawa beliau turut meletakkan nilai Islam pada dirinya.

Amien yang juga tokoh agama dan bekas dekan di Universiti Gajah Mada (UGM) turut mengambil calon nasionalis bagi mengambil hati pengundi yang berlatar belakangkan Islam dan kebangsaan. Ini memberi kelebihan kepada Amien yang sebelum ini memang didukung kuat oleh golongan intelektual Muslim dan kelas pertengahan.

Apa yang pasti, Pilihan Raya Presiden 5 Julai nanti kemungkinan besar tidak dapat menghasilkan pemenang yang menang besar atau selesa. Pemilihan kedua pasti akan dijalankan bagi memilih presiden yang menang dengan undi selesa. Melihat kepada kesukaran Indonesia mencari idola mereka, ramai di kalangan rakyatnya sendiri yang kagum dengan cara Malaysia menjalankan transisi kuasa politik negara dengan aman tanpa sebarang kekacauan. Malah kemenangan besar Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Umum Mac lalu sering diperkatakan oleh mereka.

Dekan Fakulti Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Ahmad Faiz Abdul Hamid yang mengetuai rombongan akademik fakulti itu ke Surabaya, Yogyakarta dan Bandung baru-baru ini, menjelaskan bahawa Malaysia bijak menguruskan politiknya.

Peralihan jawatan Perdana Menteri daripada Tun Dr Mahathir Mohamad kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 31 Oktober 2003 menjadi titik mula kepada kejayaan besar BN dalam pilihan raya baru-baru ini.

Beliau berkata, imej dan gaya kepimpinan Abdullah menjadi faktor utama kemenangan BN yang dilihat sebagai pemimpin yang bersih dan beragama.

Rakyat Malaysia sudah menunjukkan jalan dengan memilih pemimpin mereka. Kini mata dunia merenung tajam Indonesia. Kita tunggu siapa pilihan rakyatnya pada 5 Julai nanti.

\* Penulis adalah pensyarah di Fakulti Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, Sintok.

(END)